

2016  
>>>>  
2022

# Pelan Tindakan E-KU

ORANG KURANG UPAYA



**Kementerian Pembangunan  
Wanita, Keluarga dan Masyarakat**  
No. 55, Persiaran Perdana, Presint 4  
62100 Putrajaya, Malaysia  
Tel: +603 - 8000 8000 • Faks: +603 - 8323 2000



[www.kpwkm.gov.my](http://www.kpwkm.gov.my)

kpwkm kpwkm kpwkm



Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat  
[www.kpwkm.gov.my](http://www.kpwkm.gov.my)

# Kandungan

2

Dasar Orang Kurang Upaya

3

Strategi dan Objektif Teras Strategik

13

**Teras Strategik 1**  
Meningkatkan Aksesibiliti Golongan OKU  
(GOL 3 INCHEON STRATEGY)

21

**Teras Strategik 2**  
Memperkasa Ekonomi Golongan OKU  
(GOL 1 INCHEON STRATEGY)

27

**Teras Strategik 3**  
Meningkatkan Akses OKU Kepada Pendidikan  
(GOL 5 INCHEON STRATEGY)

35

**Teras Strategik 4**  
Meningkatkan Akses OKU Kepada Kesihatan  
(GOL 5 INCHEON STRATEGY)

39

**Teras Strategik 5**  
Memperkukuhkan Perkhidmatan Sosial untuk OKU  
(GOL 4 INCHEON STRATEGY)

45

**Teras Strategik 6**  
Meningkatkan Penyertaan OKU dalam Proses  
Perancangan dan Membuat Keputusan  
(GOL 2 INCHEON STRATEGY)

49

**Teras Strategik 7**  
Menambah Baik Akses OKU dalam Aspek  
Pengurusan Risiko Bencana  
(GOL 7 INCHEON STRATEGY)

53

**Teras Strategik 8**  
Penyelidikan dan Pembangunan  
(GOL 8 INCHEON STRATEGY)

57

**Teras Strategik 9**  
Advokasi  
(GOL 10 INCHEON STRATEGY)

63

**Teras Strategik 10**  
Konvensyen Mengenai Hak OKU  
(GOL 9 INCHEON STRATEGY)

66

Senarai Singkatan

Diterbitkan oleh

**Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat**

Terbitan 2016

Hak cipta © 2016 Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. Hak cipta terpelihara. Setiap bahagian daripada terbitan ini tidak boleh diterbitkan semula, dicetak semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk atau disiarkan dalam sebarang bentuk atau apa juga cara sekali pun, sama ada secara elektronik, mekanik dan sebagainya, tanpa terlebih dahulu mendapat izin bertulis daripada Kementerian, yang boleh dihubungi di:

No. 55, Persiaran Perdana, Presint 4  
62100 Putrajaya, Malaysia  
Tel: +603 - 8000 8000

Kandungan Editorial, Reka Corak, Fotografi oleh

**MPH Group Printing (M) Sdn Bhd**  
No.31, Jalan 2/148A  
Taman Sungai Besi Industrial Park  
57100 Kuala Lumpur  
Tel: 03-7726 0966  
Faks: 03-7984 0966

Dicetak di Malaysia oleh  
**MPH Group Printing (M) Sdn Bhd**

## Dasar Orang Kurang Upaya

### PENGENALAN

Golongan orang kurang upaya (OKU) merupakan sebahagian daripada masyarakat. Oleh itu, mereka mempunyai kesaksamaan hak dan peluang untuk menjalani kehidupan seperti anggota masyarakat yang lain. Pendekatan berasaskan hak atau rights-based dan juga perlindungan wajar digunakan bagi menjamin kepentingan dan kesejahteraan OKU.

### DEFINISI

OKU adalah seseorang yang mempunyai ketidakupayaan jangka masa panjang dari segi fizikal, mental, intelektual atau pancaindra yang apabila berhadapan dengan pelbagai halangan mungkin tidak dapat melibatkan diri sepenuhnya dan secara efektif dalam masyarakat.

### PERNYATAAN DASAR

Dasar OKU menjadi asas kesaksamaan hak dan peluang kepada OKU bagi penyertaan penuh dalam masyarakat. Dasar ini turut mengutamakan nilai hak kemanusiaan seperti kemuliaan, kehormatan dan kebebasan bagi membolehkan mereka hidup berdikari.

### OBJEKTIF DASAR

Dasar OKU menetapkan empat objektif berikut:

- > Memberi pengiktirafan serta penerimaan prinsip bahawa OKU mempunyai hak dan peluang yang sama bagi penyertaan penuh dalam masyarakat;
- > Memastikan OKU menikmati hak, peluang dan akses secara saksama di bawah undang-undang negara;
- > Menghapuskan diskriminasi terhadap seseorang atas sebab ketidakupayaannya; dan
- > Mendidik dan meningkatkan kesedaran masyarakat mengenai hak OKU.



### Teras Strategik 1

## Meningkatkan Aksesibiliti Golongan OKU

### Strategi

Meningkatkan mobiliti dan kualiti hidup golongan OKU supaya lebih produktif dan inklusif dalam masyarakat.



### Objektif

- > Meningkatkan penyediaan akses kepada persekitaran fizikal di bandar mahupun di luar bandar berkonsepkan reka bentuk sejagat (*universal design*);
- > Meningkatkan tahap aksesibiliti dan kebolehgunaan (*usability*) kemudahan pengangkutan awam oleh golongan OKU;
- > Meningkatkan tahap aksesibiliti golongan OKU kepada maklumat dan komunikasi; dan
- > Meningkatkan akses OKU kepada perkhidmatan perbankan dan insurans.

4

2

Teras Strategik 2  
**Memperkasakan Ekonomi  
 Golongan OKU**

**Strategi**

Meningkatkan penyertaan golongan OKU dalam pasaran pekerjaan terbuka, inklusif dan boleh diakses bagi membolehkan mereka hidup berdikari dan menyumbang kepada pembangunan negara.



**Objektif**

- > Meningkatkan peluang pekerjaan OKU dalam semua sektor pekerjaan sama ada awam mahupun swasta;
- > Meningkatkan peluang golongan OKU untuk bekerja sendiri (*self-employment*) dengan menyertai bidang keusahawanan dan program pemerkasakan ekonomi; dan
- > Menggalakkan penglibatan OKU dalam latihan vokasional dan lain-lain program sokongan pekerjaan yang disediakan oleh kerajaan, swasta dan NGO.

3

Teras Strategik 3  
**Meningkatkan Akses OKU  
 Kepada Pendidikan**

**Strategi**

Meningkatkan akses golongan OKU kepada pendidikan yang berkualiti dan inklusif di semua peringkat termasuk pendidikan sepanjang hayat ke arah pembangunan modal insan yang berbakat dan berpotensi tinggi.



**Objektif**

- > Meningkatkan akses OKU khususnya kanak-kanak kepada sistem pendidikan yang saksama seperti anggota masyarakat yang lain; dan
- > Memperkukuhkan mekanisme perkhidmatan sokongan pendidikan ke arah mewujudkan pendidikan yang berkualiti dan efektif.

# 4

## Teras Strategik 4 Meningkatkan Akses OKU Kepada Kesihatan

### Strategi 1

Meningkatkan akses golongan OKU kepada perkhidmatan kesihatan yang berkualiti bagi membolehkan mereka menjalani kehidupan yang sejahtera.



#### Objektif

- > Meningkatkan akses OKU kepada perkhidmatan kesihatan yang berkualiti.

### Strategi 2

Mengukuh dan memperluaskan akses OKU kepada perkhidmatan / program habilitasi dan rehabilitasi yang lebih komprehensif meliputi aspek kesihatan, pekerjaan, pendidikan dan sosial bagi menyokong penyertaan secara inklusif golongan OKU dalam masyarakat.



#### Objektif

- > Memastikan golongan OKU menjalani kehidupan yang lebih berkualiti dan sejahtera.

# 5

## Teras Strategik 5 Memperkukuhkan Perkhidmatan Sosial untuk OKU

### Strategi 1

Meningkatkan akses OKU kepada kehidupan berbudaya, rekreasi dan sukan.



#### Objektif

- > Melahirkan warga OKU yang berbakat dan mempunyai potensi tinggi dalam bidang sosial, kebudayaan, rekreasi dan sukan.

### Strategi 2

Meningkatkan lebih banyak peluang kepada golongan OKU untuk memiliki rumah.

#### Objektif

- > Memastikan golongan OKU menikmati kehidupan yang lebih berkualiti sama seperti anggota masyarakat yang lain.

### Strategi 3

Memantapkan mekanisme perlindungan sosial dan perkhidmatan sokongan yang bersesuaian dengan keperluan OKU.

#### Objektif

- > Memastikan golongan OKU menikmati kehidupan yang berkualiti dan sejahtera dalam masyarakat.

## 6 Teras Strategik 6 Meningkatkan Penyertaan OKU Dalam Proses Perancangan dan Membuat Keputusan

**Strategi**  
 Meningkatkan penyertaan OKU dalam proses politik dan peringkat proses perancangan serta membuat keputusan.



- Objektif**
- > Memastikan penglibatan OKU dalam proses perancangan dan membuat keputusan ke atas dasar-dasar negara termasuk bidang politik; dan
  - > Meningkatkan kesedaran dan penglibatan OKU dalam proses pengundian.

## 7 Teras Strategik 7 Menambah Baik Akses OKU Dalam Aspek Pengurusan Risiko Bencana

**Strategi**  
 Membangunkan pelan dan strategi pengurusan risiko bencana bagi golongan OKU.

- Objektif**
- > Mengurangkan risiko bencana bagi golongan OKU; dan
  - > Menambah baik akses OKU semasa risiko bencana.



# 8

## Teras Strategik 8 Penyelidikan dan Pembangunan



**Strategi 1**  
 Menggalakkan penyelidikan dan pembangunan mengenai OKU serta menyebarkan hasil penyelidikan untuk tindakan penambahbaikan.

- Objektif**
- > Melaksanakan pengumpulan data yang komprehensif mengenai OKU; dan
  - > Menggalakkan kajian dan penyelidikan berkaitan OKU.

**Strategi 2**  
 Memantapkan mekanisme penyelarasan pelaksanaan, pemantauan dan penilaian program-program OKU.

- Objektif**
- > Meningkatkan kolaborasi multi-sektoral bagi memastikan pelaksanaan dan keberkesanan program OKU.

# 9

## Teras Strategik 9 Advokasi

**Strategi 1**  
 Meningkatkan kesedaran dan membentuk sikap positif di kalangan masyarakat terhadap OKU.

- Objektif**
- > Memberi pemahaman tentang isu ketidakupayaan daripada perspektif model sosial kepada pihak yang bertanggungjawab dan masyarakat;
  - > Meningkatkan kesedaran masyarakat termasuk ahli keluarga berhubung hak OKU;
  - > Menggalakkan penglibatan sukarelawan dalam program pembangunan OKU; dan
  - > Menggalakkan penglibatan sektor swasta dalam melaksanakan tanggungjawab sosial korporat.

**Strategi 2**  
 Menjalinkan dan memperkukuhkan rangkaian kerjasama serantau dan antarabangsa.

- Objektif**
- > Menjalinkan dan memperkukuhkan rangkaian kerjasama multi sektor dan multidisiplin di peringkat serantau dan antarabangsa bagi memperkukuhkan advokasi dalam aspek pembangunan dan kesejahteraan OKU.



10

## Teras Strategik 10 Konvensyen Mengenai Hak OKU



### Strategi

Melaksanakan undang-undang selaras dengan Konvensyen Mengenai Hak OKU.

### Objektif

- > Mengkaji dasar-dasar dan perundangan sedia ada supaya tidak bercanggah dengan Konvensyen Mengenai Hak OKU.

## Teras Strategik 1 MENINGKATKAN AKSESIBILITI GOLONGAN OKU (GOL 3 INCHEON STRATEGY)



**Teras Strategik 1**  
**MENINGKATKAN AKSESIBILITI GOLONGAN OKU**  
 (GOL 3 INCHEON STRATEGY)

**STRATEGI 1**

Meningkatkan mobiliti dan kualiti hidup golongan OKU supaya lebih produktif dan inklusif dalam masyarakat.

**OBJEKTIF 1 KEPADA STRATEGI 1:**

Meningkatkan penyediaan akses kepada persekitaran fizikal di bandar mahupun di luar bandar berkonsepkan reka bentuk sejagat (*universal design*).

PROGRAM / TINDAKAN	KPI		KEMENTERIAN / AGENSI BERTANGGUNGJAWAB
	INDIKATOR	SASARAN	
<b>JANGKA MASA SEDERHANA 2016 – 2018:</b> (a) Menubuhkan pasukan audit akses.	1. Bilangan pasukan audit akses di setiap negeri. 2. Bilangan latihan audit akses kepada pasukan audit akses.	1. Satu (1) pasukan audit akses ditubuhkan di setiap negeri. 2. Dua (2) kali setahun.	<b>AGENSI PENERAJU: KPKT</b> > KPWKM > KKR > KWP > KPM > KKM > MOTAC > PBT > NGO > IPT
<b>JANGKA MASA PANJANG 2016 – 2022:</b> (b) Menjalankan audit akses dan audit susulan pelaksanaan terhadap kemudahan dalam dan luar bangunan / ruang awam / terminal pengangkutan awam / tempat kerja / kawasan perumahan.	1. Bilangan kemudahan dalam dan luar bangunan / ruang awam / terminal pengangkutan awam / tempat kerja / kawasan perumahan yang diaudit tahap kebolehasnesan kepada OKU setiap tahun. 2. Bilangan audit susulan pelaksanaan yang akan diadakan dalam tempoh setahun selepas audit akses.	1. Lima (5) kemudahan dalam dan luar bangunan / ruang awam / terminal pengangkutan awam / tempat kerja / kawasan perumahan yang mesra OKU dilaksanakan audit akses di setiap negeri setiap tahun. 2. Audit susulan pelaksanaan akan diadakan sekali dalam tempoh setahun selepas audit akses. Sekiranya tidak mematuhi, audit susulan kedua akan dilaksanakan dalam tempoh 6 bulan.	<b>AGENSI PENERAJU: KPKT</b> > KPWKM > KKR > KWP > KPM > KKM > MOTAC > MOT > KBS > PBT > NGO

**Teras Strategik 1**  
**MENINGKATKAN AKSESIBILITI GOLONGAN OKU**  
 (GOL 3 INCHEON STRATEGY)

PROGRAM / TINDAKAN	KPI		KEMENTERIAN / AGENSI BERTANGGUNGJAWAB
	INDIKATOR	SASARAN	
<b>JANGKA MASA PANJANG 2016 – 2022:</b> (c) Menyedia dan menambah baik manual audit akses yang menekankan <i>scoring</i> dan <i>rating</i> kepada kemudahan dalam dan luar bangunan / ruang awam / terminal pengangkutan awam / tempat kerja / kawasan perumahan.	Mewujudkan sistem penarafan / persijilan berkenaan aksesibiliti berdasarkan reka bentuk sejagat ( <i>universal design</i> ).	Satu (1) sistem penarafan / persijilan disediakan	<b>AGENSI PENERAJU: KPWKM</b> > KPKT > KKR > KWP > KKLW > KPM > KKM > MOTAC > MOT > KBS > PBT > NGO
<b>JANGKA MASA PANJANG 2016 – 2022:</b> (a) Melaksanakan program advokasi / <i>engagement</i> dengan pihak yang bertanggungjawab dalam perancangan dan pembangunan kemudahan dalam dan luar bangunan / ruang awam (kontraktor, arkitek, arkitek lanskap, perancang bandar, pihak berkuasa tempatan, dll.).	Bilangan program advokasi / <i>engagement</i> dengan pihak yang bertanggungjawab dalam perancangan dan pembangunan kemudahan dalam dan luar bangunan / ruang awam (kontraktor, arkitek, arkitek lanskap, perancang bandar, pihak berkuasa tempatan, dll.).	Sekurang-kurangnya satu (1) program advokasi atau <i>engagement</i> dilaksanakan di setiap negeri dalam setahun dengan pihak yang bertanggungjawab dalam perancangan dan pembangunan berhubung keperluan penyediaan kemudahan dalam dan luar bangunan / ruang awam yang mesra OKU.	<b>AGENSI PENERAJU: KPKT</b> > KPWKM > KKR > KWP > KKLW > NRE > MOTAC > KPM > MOSTI > KBS > PBT > NGO
<b>JANGKA MASA PANJANG 2016 – 2022:</b> (e) Mewujudkan elemen penguatkuasaan perundangan yang memperuntukkan keperluan penyediaan kemudahan dalam dan luar bangunan / ruang awam yang mesra OKU.	Bilangan akta / peraturan yang dipinda.	Sekurang-kurangnya satu (1) akta / peraturan dipinda.	<b>AGENSI PENERAJU: AGC</b> > KPWKM > KPKT > KWP > KKLW > KKR > PBT

**Teras Strategik 1**  
**MENINGKATKAN AKSESIBILITI GOLONGAN OKU**  
 (GOL 3 INCHEON STRATEGY)

PROGRAM / TINDAKAN	KPI		KEMENTERIAN / AGENSI BERTANGGUNGJAWAB
	INDIKATOR	SASARAN	
<b>JANGKA MASA PANJANG 2016 – 2022:</b> (f) Memastikan pemilik premis awam dan komersial menyediakan kemudahan penunjuk arah ( <i>signage</i> ) dan simbol yang jelas dilihat dan dilengkapi dengan <i>braille</i> serta format yang mudah dibaca / difahami oleh OKU.	Bilangan premis awam dan komersial menyediakan kemudahan penunjuk arah ( <i>signage</i> ) dan simbol yang jelas dilihat dan dilengkapi dengan <i>braille</i> serta format yang mudah dibaca / difahami oleh OKU.	Sekurang-kurangnya sepuluh (10) buah premis menyediakan kemudahan penunjuk arah ( <i>signage</i> ) yang jelas dilihat dan dilengkapi dengan <i>braille</i> serta format yang mudah dibaca / difahami oleh OKU setahun di setiap negeri.	<b>AGENSI PENERAJU: KPKT</b> > PBT > KKR > KPWKM > KWP > KKLW > MOT > MOTAC > KPM > KKM
<b>JANGKA MASA PANJANG 2016 – 2022:</b> (g) Mewujudkan <i>star rating</i> bangunan / kemudahan awam mesra OKU.	Manual <i>star rating</i> diwujudkan.	Manual <i>star rating</i> diwujudkan.	<b>AGENSI PENERAJU: MAMPU</b> > KPWKM > MOTAC > KPKT > KWP > KKR > NRE > MOT > KPM > KBS > MOSTI (Jabatan Standard Malaysia)
<b>JANGKA MASA PANJANG 2016 – 2022:</b> (h) Membangunkan Pelan Induk Aksesibiliti kemudahan dalam dan luar bangunan / ruang awam mesra OKU di setiap PBT yang lengkap dan menyeluruh bagi pelaksanaan berperingkat / berfasa.	Bilangan Pelan Induk Aksesibiliti kemudahan dalam dan luar bangunan / ruang awam mesra OKU dihasilkan oleh setiap PBT.	Satu (1) Pelan Induk Aksesibiliti kemudahan dalam dan luar bangunan / ruang awam mesra OKU dihasilkan oleh setiap PBT.	<b>AGENSI PENERAJU: KPKT</b> > Kerajaan Negeri > PBT > KWP > KPWKM > KKLW > MOT > MOTAC > KKR > AGC

**Teras Strategik 1**  
**MENINGKATKAN AKSESIBILITI GOLONGAN OKU**  
 (GOL 3 INCHEON STRATEGY)

**OBJEKTIF 2 KEPADA STRATEGI 1:**

Meningkatkan tahap aksesibiliti dan kebolegunaan (*usability*) kemudahan pengangkutan awam oleh golongan OKU.

PROGRAM / TINDAKAN	KPI		KEMENTERIAN / AGENSI BERTANGGUNGJAWAB
	INDIKATOR	SASARAN	
<b>JANGKA MASA PANJANG 2016 – 2022:</b> (a) Menjalankan audit akses dan audit susulan pelaksanaan ke atas kenderaan pengangkutan awam.	Bilangan penyedia perkhidmatan pengangkutan awam yang diaudit tahap kebolehaksesan kepada OKU setiap tahun.	1. Sekurang-kurangnya lima (5) penyedia perkhidmatan pengangkutan awam diaudit setiap tahun. 2. Audit susulan pelaksanaan akan diadakan dalam tempoh setahun selepas audit akses.	<b>AGENSI PENERAJU: MOT</b> > SPAD > KPWKM > KPKT > KKR > PBT > NGO > KPM
<b>JANGKA MASA PANJANG 2016 – 2022:</b> (b) Menambah jumlah perkhidmatan pengangkutan awam (van, bas dan kereta) pintu ke pintu ( <i>door to door</i> ) bagi kemudahan OKU.	Bilangan jumlah perkhidmatan pengangkutan awam (van, bas dan kereta) pintu ke pintu ( <i>door to door</i> ).	Satu (1) penyedia perkhidmatan pengangkutan awam (van, bas dan kereta) pintu ke pintu ( <i>door to door</i> ) di setiap negeri bagi setiap tahun.	<b>AGENSI PENERAJU: MOT</b> > SPAD > MOF > KPWKM > KPKT > KWP > PBT > NGO
<b>JANGKA MASA PANJANG 2016 – 2022:</b> (c) Menyediakan kemudahan pengangkutan awam termasuk kenderaan dan infrastruktur seperti hentian bas dan hab pengangkutan awam yang mesra OKU berkonsepkan reka bentuk sejagat.	Bilangan kemudahan pengangkutan awam termasuk kenderaan dan infrastruktur seperti hentian bas dan hab pengangkutan awam yang mesra OKU berkonsepkan reka bentuk sejagat.	Satu (1) Daerah, satu (1) kemudahan pengangkutan awam termasuk kenderaan dan infrastruktur seperti hentian bas dan hab pengangkutan awam yang mesra OKU berkonsepkan reka bentuk sejagat.	<b>AGENSI PENERAJU: MOT</b> > SPAD > KPWKM > KPKT > KKR > MOTAC > MOF > PBT

**Teras Strategik 1**  
**MENINGKATKAN AKSESIBILITI GOLONGAN OKU**  
(GOL 3 INCHEON STRATEGY)

PROGRAM / TINDAKAN	KPI		KEMENTERIAN / AGENSI BERTANGGUNGJAWAB
	INDIKATOR	SASARAN	
<b>JANGKA MASA PANJANG 2016 – 2022:</b> (d) Memastikan penyediaan tenaga kerja terlatih dalam membantu pengguna OKU mendapat akses kepada kemudahan pengangkutan awam.	Bilangan latihan yang dijalankan khusus bagi membantu pengguna OKU.	Dua (2) latihan dilaksanakan setahun menghasilkan 80 orang tenaga kerja terlatih.	<b>AGENSI PENERAJU: MOT</b> > SPAD > KPWK > MOHR > MOTAC > MOF
<b>JANGKA MASA PANJANG 2016 – 2022:</b> (e) Menyediakan Pelan Induk Aksesibiliti pengangkutan awam mesra OKU yang lengkap dan menyeluruh.	Bilangan Pelan Induk Aksesibiliti pengangkutan awam mesra OKU dihasilkan.	Satu (1) Pelan Induk Aksesibiliti pengangkutan mesra OKU dihasilkan.	<b>AGENSI PENERAJU: MOT</b> > SPAD > KPWK > KPKT > KWP > KKLW > MOTAC > KKR

**Teras Strategik 1**  
**MENINGKATKAN AKSESIBILITI GOLONGAN OKU**  
(GOL 3 INCHEON STRATEGY)

**OBJEKTIF 3 KEPADA STRATEGI 1:**

Meningkatkan tahap aksesibiliti golongan OKU kepada maklumat dan komunikasi.

PROGRAM / TINDAKAN	KPI		KEMENTERIAN / AGENSI BERTANGGUNGJAWAB
	INDIKATOR	SASARAN	
<b>JANGKA MASA PANJANG 2016 – 2022:</b> (a) Menggalakkan akses OKU kepada teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) termasuk penggunaan Internet.	Bilangan inisiatif yang dilaksanakan oleh penyedia perkhidmatan ICT.	Sekurang-kurangnya satu (1) inisiatif oleh setiap penyedia perkhidmatan ICT.	<b>AGENSI PENERAJU: KKMM</b> > SKMM > KPM > KPM > MAMPU > MOSTI > KPWK > NGO
<b>JANGKA MASA PANJANG 2016 – 2022:</b> (b) Menggalakkan penyediaan dan penyebaran maklumat dan komunikasi dalam format yang dapat diakses dan difahami oleh golongan OKU (termasuk W3C, Braille, audio visual signage).	Bilangan program kesedaran yang dilaksanakan.	Sekurang-kurangnya dua (2) program kesedaran setahun.	<b>AGENSI PENERAJU: MAMPU</b> > MPC > SKMM > NGO.
<b>JANGKA MASA PANJANG 2016 – 2022:</b> (c) Memastikan penyediaan lebih banyak kemudahan sokongan dan bantuan kepada OKU (seperti juru bahasa isyarat, audio description dan augmentative alternative communication - AAC) bagi memastikan akses OKU kepada maklumat.	Bilangan penyedia perkhidmatan yang menyediakan kemudahan sokongan OKU seperti perkhidmatan juru bahasa isyarat dan audio description.	Semua penyedia perkhidmatan menyediakan kemudahan sokongan OKU.	<b>AGENSI PENERAJU: KKMM</b> > MAMPU > SKMM > NGO (NGO payung / induk)

**Teras Strategik 1**  
**MENINGKATKAN AKSESIBILITI GOLONGAN OKU**  
 (GOL 3 INCHEON STRATEGY)

**OBJEKTIF 4 KEPADA STRATEGI 1:**

Meningkatkan akses OKU kepada perkhidmatan perbankan dan insurans.

PROGRAM / TINDAKAN	KPI		KEMENTERIAN / AGENSI BERTANGGUNGJAWAB
	INDIKATOR	SASARAN	
<b>JANGKA MASA PANJANG 2016 – 2022:</b> (a) Memastikan penyediaan perkhidmatan perbankan yang mesra OKU antaranya perkhidmatan ATM, pembukaan akaun simpanan dan lain-lain.	Bilangan institusi perbankan yang menyediakan dan menawarkan produk dan perkhidmatan yang mesra OKU.	Semua institusi perbankan yang terlibat dengan perbankan runcit ( <i>retail banking</i> ) menyediakan dan menawarkan perkhidmatan mesra OKU.	<b>AGENSI PENERAJU: BNM</b> > MOF > Syarikat Perbankan > KPWKMM > NGO
<b>JANGKA MASA PANJANG 2016 – 2022:</b> (b) Memastikan penyediaan perkhidmatan perlindungan insurans pada kadar yang adil dan sama antara golongan OKU dengan bukan OKU.	Bilangan syarikat insurans dan pengendali takaful yang menawarkan perkhidmatan dan produk insurans / takaful yang mesra OKU.	Semua syarikat insurans dan pengendali takaful menawarkan sekurang-kurangnya satu (1) produk insurans / takaful yang bersesuaian dan mesra OKU.	<b>AGENSI PENERAJU: BNM</b> > MOF > Syarikat Insurans > KPWKMM > NGO

**Teras Strategik 2**  
**MEMPERKASA**  
**EKONOMI GOLONGAN OKU**  
 (GOL 1 INCHEON STRATEGY)

**Teras Strategik 2**

**MEMPERKASA EKONOMI GOLONGAN OKU**  
 (GOL 1 INCHEON STRATEGY)

**Teras Strategik 2**

**MEMPERKASA EKONOMI GOLONGAN OKU**  
 (GOL 1 INCHEON STRATEGY)

**STRATEGI 1**

Meningkatkan penyertaan golongan OKU dalam pasaran pekerjaan terbuka, inklusif dan boleh diakses bagi membolehkan mereka hidup berdikari dan menyumbang kepada pembangunan negara.

**OBJEKTIF 1 KEPADA STRATEGI 1:**

Meningkatkan peluang pekerjaan OKU dalam semua sektor pekerjaan sama ada awam mahupun swasta.

PROGRAM / TINDAKAN	KPI		KEMENTERIAN / AGENSI BERTANGGUNGJAWAB
	INDIKATOR	SASARAN	
<b>JANGKA MASA PANJANG 2016 – 2022:</b> (a) Menggalakkan majikan melaksanakan penyesuaian munasabah ( <i>reasonable accommodation</i> ) berdasarkan konsep universal design bagi menyediakan tempat kerja yang selamat dan mesra OKU.	1. Bilangan agensi atau jabatan kerajaan yang memenuhi kriteria – universal design.  2. Bilangan majikan / syarikat yang menerima manfaat daripada potongan cukai ke atas kos ubah suai bangunan dan alat bantu sokongan bagi kemudahan OKU.	Penyediaan sekurang-kurangnya 1 atau 1% (mana-mana yang lebih tinggi) tempat kerja mesra OKU oleh majikan.	<b>AGENSI PENERAJU: KSM</b> > MOF > KPWKM > KPKT > PBT > KKR > LHDNM
<b>JANGKA MASA SEDERHANA 2016 – 2018:</b> (b) Menambah baik mekanisme pelaksanaan Dasar 1% Peluang Pekerjaan Kepada OKU di Sektor Awam	Bilangan penjawat awam OKU meningkat (melibatkan pengisian di peringkat kumpulan sokongan, pengurusan dan profesional dan pengurusan tertinggi).	Sekurang-kurangnya 3 kementerian mencapai Dasar 1% setahun.	<b>AGENSI PENERAJU: JPA</b> > KPWKM > Semua kementerian / agensi kerajaan

PROGRAM / TINDAKAN	KPI		KEMENTERIAN / AGENSI BERTANGGUNGJAWAB
	INDIKATOR	SASARAN	
<b>JANGKA MASA PANJANG 2016 – 2022:</b> (c) Menambah baik mekanisme daripada segi perundangan / program bagi menggalakkan lebih ramai OKU menyertai / kembali menyertai sektor pekerjaan.	Bilangan OKU yang menyertai / kembali menyertai sektor pekerjaan.	Peningkatan sekurang-kurangnya 10% bilangan OKU yang menyertai / kembali menyertai sektor pekerjaan.	<b>AGENSI PENERAJU: KSM</b> > JPA > KPWKM > Semua Kementerian / agensi kerajaan > Swasta
<b>JANGKA MASA PANJANG 2016 – 2022:</b> (d) Meningkatkan lagi kualiti dan keberkesanan perkhidmatan sokongan pekerjaan seperti <i>Job Coach</i> bagi membolehkan golongan OKU mendapat pekerjaan dan kekal dalam pekerjaan.	Bilangan <i>Job Coach</i> terlatih.	250 orang <i>Job Coach</i> dilatih setiap tahun	<b>AGENSI PENERAJU: KPWKM</b> > KSM > Semua Kementerian / agensi kerajaan > Swasta > NGO
<b>JANGKA MASA PANJANG 2016 – 2022:</b> (e) Menubuhkan pusat rujukan pekerjaan OKU bagi sektor awam / swasta. <ul style="list-style-type: none"> <li>• Pusat rujukan setempat peluang pekerjaan</li> <li>• Pangkalan data / profil OKU</li> <li>• Kaunseling kerjaya</li> <li>• Pemantauan dan susulan</li> </ul>	Penubuhan pusat rujukan pekerjaan OKU.	Satu (1) pusat rujukan pekerjaan OKU ditubuhkan.	<b>AGENSI PENERAJU: KPWKM</b> > KSM > JPA > Suruhanjaya Perkhidmatan

**Teras Strategik 2**

**MEMPERKASA EKONOMI GOLONGAN OKU**  
 (GOL 1 INCHEON STRATEGY)

**Teras Strategik 2**

**MEMPERKASA EKONOMI GOLONGAN OKU**  
 (GOL 1 INCHEON STRATEGY)

**OBJEKTIF 2 KEPADA STRATEGI 1:**

Meningkatkan peluang golongan OKU untuk bekerja sendiri (*self-employment*) dengan menyertai bidang keusahawanan dan program pemerksaan ekonomi.

PROGRAM / TINDAKAN	KPI		KEMENTERIAN / AGENSI BERTANGGUNGJAWAB
	INDIKATOR	SASARAN	
<b>JANGKA MASA PANJANG 2016 – 2022:</b> (a) Menambah baik skim bantuan / geran perniagaan dan pembiayaan mikro kredit bagi menggalakkan lebih ramai OKU memulakan / mengembangkan perniagaan.	Bilangan OKU yang menerima bantuan kewangan.	Sekurang-kurangnya 200 orang usahawan OKU memulakan dan mengembangkan perniagaan mereka setiap tahun.	<b>AGENSI PENERAJU: KSM</b> > KPWK > KPDNKK > MOA > MOF (NEDO & NSU) > MARA > MITI (SMECORP) > TERAJU
<b>JANGKA MASA PANJANG 2016 – 2022:</b> (b) Menyediakan pembiayaan kewangan khas bagi melahirkan usahawan OKU oleh syarikat perbankan.	Bilangan institusi perbankan yang menawarkan pembiayaan kewangan kepada usahawan OKU.	Semua institusi perbankan yang terlibat dengan perbankan runcit ( <i>retail banking</i> ) menawarkan pembiayaan kewangan kepada usahawan OKU.	<b>AGENSI PENERAJU: BNM</b> > MOF > Syarikat perbankan
<b>JANGKA MASA PANJANG 2016 – 2022:</b> (c) Menyediakan kursus asas keusahawanan kepada OKU yang hendak menceburi atau mengembangkan lagi perniagaan mereka.	Bilangan kursus keusahawanan yang dianjurkan kepada OKU.	Dua (2) kursus keusahawanan dilaksanakan setahun kepada 80 orang OKU.	<b>AGENSI PENERAJU: KSM</b> > KPWK > KPDNKK > MOA

PROGRAM / TINDAKAN	KPI		KEMENTERIAN / AGENSI BERTANGGUNGJAWAB
	INDIKATOR	SASARAN	
<b>JANGKA MASA PANJANG 2016 – 2022:</b> (d) Menambah baik dan memperluaskan pelaksanaan program pemerksaan ekonomi (EEP) / peningkatan pendapatan OKU di bengkel-bengkel terlindung dan pusat pemulihan dalam komuniti (PDK) yang terlibat dalam EEP.	1. Bilangan pusat PDK yang melaksanakan EEP bertambah. 2. Bilangan pilihan jenis / produk EEP di pusat PDK bertambah. 3. Bilangan OKU yang dilatih untuk bekerja di bengkel terlindung / pusat PDK meningkat. 4. Bilangan pelatih OKU yang memasuki pasaran kerja terbuka.	1. Semua pusat PDK melaksanakan EEP. 2. Sekurang-kurangnya dua (2) pilihan jenis / produk EEP di pusat PDK yang terlibat dalam EEP. 3. Semua pelatih OKU berusia 16 tahun ke atas dan boleh bekerja dilatih untuk bekerja di bengkel terlindung / pusat PDK. 4. Sekurang-kurangnya seorang pelatih OKU dari setiap PDK yang terlibat dalam EEP / bengkel terlindung memasuki pasaran kerja terbuka.	<b>AGENSI PENERAJU: KPWK</b> > KSM > NGO

**Teras Strategik 2**

**MEMPERKASA EKONOMI GOLONGAN OKU**  
 (GOL 1 INCHEON STRATEGY)

**OBJEKTIF 4 KEPADA STRATEGI 1:**

Meningkatkan penglibatan OKU dalam latihan vokasional dan lain-lain program sokongan pekerjaan yang disediakan oleh kerajaan, swasta dan NGO.

PROGRAM / TINDAKAN	KPI		KEMENTERIAN / AGENSI BERTANGGUNGJAWAB
	INDIKATOR	SASARAN	
<b>JANGKA MASA PANJANG 2016 – 2022:</b> (a) Memperkasakan institusi latihan kemahiran dan vokasional bagi meningkatkan kebolehpasaran ( <i>marketability</i> ) OKU untuk menyertai sektor pekerjaan dengan mengambil kira antaranya: <ul style="list-style-type: none"> <li>• <i>Entry Requirement</i> berdasarkan keperluan OKU</li> <li>• Tenaga pengajar yang bersesuaian dan berkemahiran</li> <li>• Kemudahan tempat latihan yang berkonsepkan reka bentuk sejagat.</li> <li>• Program transisi ke alam kerja yang termasuk program latihan industri.</li> </ul>	Bilangan institusi latihan yang menyediakan latihan kepada OKU.	Semua institusi latihan menyediakan peluang latihan / kemudahan kepada OKU.	<b>AGENSI PENERAJU: KSM</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>&gt; KPM</li> <li>&gt; KPWKM</li> <li>&gt; KBS</li> <li>&gt; KKLW</li> <li>&gt; NGO</li> <li>&gt; Swasta</li> </ul>
<b>JANGKA MASA PANJANG 2016 – 2022:</b> (b) Menambah baik modul latihan vokasional, modul transisi ke alam kerja dan lain-lain program sokongan pekerjaan untuk OKU.	Bilangan modul yang ditambah baik.	Sekurang-kurangnya satu (1) modul ditambah baik.	<b>AGENSI PENERAJU: KPM</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>&gt; KSM</li> <li>&gt; KPWKM</li> <li>&gt; KBS</li> <li>&gt; KKLW</li> <li>&gt; NGO</li> <li>&gt; Swasta</li> </ul>
<b>JANGKA MASA SEDERHANA 2016 – 2018:</b> (c) Menawarkan latihan atau <i>internship</i> kepada OKU secara <i>attachment</i> di sektor awam / swasta.	Bilangan majikan yang menawarkan latihan / <i>internship</i> kepada OKU.	Peningkatan 30% majikan yang menawarkan latihan / <i>internship</i> kepada OKU.	<b>AGENSI PENERAJU: KSM</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>&gt; KPM</li> <li>&gt; KPWKM</li> <li>&gt; NGO</li> <li>&gt; Swasta</li> </ul>

**Teras Strategik 3**  
**MENINGKATKAN AKSES OKU KEPADA PENDIDIKAN**  
 (GOL 5 INCHEON STRATEGY)



**Teras Strategik 3**

**MENINGKATKAN AKSES OKU KEPADA PENDIDIKAN**  
 (GOL 5 INCHEON STRATEGY)

**STRATEGI 1**

Meningkatkan akses golongan OKU kepada pendidikan yang berkualiti dan inklusif di semua peringkat termasuk pendidikan sepanjang hayat ke arah pembangunan modal insan yang berbakat dan berpotensi tinggi.

**OBJEKTIF 1 KEPADA STRATEGI 1:**

Meningkatkan akses OKU khususnya kanak-kanak kepada sistem pendidikan yang saksama seperti anggota masyarakat yang lain.

PROGRAM / TINDAKAN	KPI		KEMENTERIAN / AGENSI BERTANGGUNGJAWAB
	INDIKATOR	SASARAN	
<b>JANGKA MASA PANJANG 2016 – 2022:</b> (a) Meningkatkan pengetahuan dan kesedaran ibu bapa, pengendali / pengasuh taska / tadika mengenai pengesanan dan intervensi awal kanak-kanak OKU.	1. Bilangan program peningkatan pengetahuan dan kesedaran mengenai pengesanan dan intervensi awal kanak-kanak OKU kepada ibu bapa, pengendali / pengasuh taska / tadika.  2. Bilangan kes yang dikesan dan disahkan mempunyai ketidakupayaan sebelum berumur satu (1) tahun.	1. Sekurang-kurangnya dua (2) kali setahun.  2. 0.12% kanak-kanak (0-1 tahun) daripada anggaran kelahiran tahun semasa dikesan dengan ketidakupayaan.	<b>AGENSI PENERAJU: KKM</b> > JPM (Bahagian PERMATA) > KPM > KPWK > KKLW > NGO
<b>JANGKA MASA PANJANG 2016 – 2022:</b> (b) Memperluaskan program pendidikan awal kanak-kanak ( <i>early education</i> ) untuk kanak-kanak kurang upaya.	Bilangan kanak-kanak kurang upaya yang mengikuti / <i>enroll</i> dalam program pendidikan awal di sekolah awam, swasta mahupun kendalian NGO meningkat.	Peningkatan 10% bilangan kanak-kanak kurang upaya yang mengikuti / <i>enroll</i> dalam program pendidikan awal di sekolah awam, swasta mahupun kendalian NGO.	<b>AGENSI PENERAJU: KPWK</b> > JPM (Bahagian Permata) > KPM > KKLW > NGO

**Teras Strategik 3**

**MENINGKATKAN AKSES OKU KEPADA PENDIDIKAN**  
 (GOL 5 INCHEON STRATEGY)

PROGRAM / TINDAKAN	KPI		KEMENTERIAN / AGENSI BERTANGGUNGJAWAB
	INDIKATOR	SASARAN	
<b>JANGKA MASA PANJANG 2016 – 2022:</b> (c) Memastikan penyertaan penuh murid-murid berkeperluan pendidikan khas (MBPK) dalam pendidikan peringkat rendah dan menengah ( <i>primary dan secondary education</i> ).	Bilangan MBPK yang mendaftar/ mengikuti dalam program pendidikan rendah dan menengah meningkat.	75% MBPK yang mendaftar / mengikuti dalam program pendidikan rendah dan menengah.	<b>AGENSI PENERAJU: KPM</b>
<b>JANGKA MASA PANJANG 2016 – 2022:</b> (d) Memperluaskan program pendidikan inklusif untuk MBPK.	Bilangan MBPK yang ditempatkan ke dalam program pendidikan inklusif meningkat.	75% MBPK yang mengikuti program pendidikan inklusif.	<b>AGENSI PENERAJU: KPM</b>
<b>JANGKA MASA PANJANG 2016 – 2022:</b> (e) Meningkatkan penyertaan MBPK dalam pendidikan peringkat lepasan menengah.	Bilangan MBPK yang melanjutkan pelajaran ke peringkat lepasan menengah meningkat.	Peningkatan 20% bilangan MBPK yang melanjutkan pelajaran ke peringkat lepasan menengah.	<b>AGENSI PENERAJU: KPM</b> > KPT > KSM (JPK) > KKLW (MARA)
<b>JANGKA MASA PANJANG 2016 – 2022:</b> (f) Meningkatkan dan memperluaskan peluang pembelajaran sepanjang hayat kepada OKU.	Bilangan OKU yang mengikuti pembelajaran sepanjang hayat meningkat.	80% OKU yang mengikuti pembelajaran sepanjang hayat berjaya menamatkan pembelajaran.	<b>AGENSI PENERAJU: KPM</b> > KPT > KSM (JPK) > KKLW (MARA) > KBS > KPWK
<b>JANGKA MASA PANJANG 2016 – 2022:</b> (g) Menyediakan Pelan Induk Aksesibiliti kepada Pendidikan bagi golongan OKU yang lengkap dan menyeluruh.	Bilangan Pelan Induk Aksesibiliti kepada Pendidikan bagi golongan OKU dihasilkan.	Satu (1) Pelan Induk Aksesibiliti kepada Pendidikan bagi golongan OKU dihasilkan pada pertengahan tahun 2016.	<b>AGENSI PENERAJU: KPM</b> > KPT > KKR > KPWK > KKLW > JPM (Bahagian Permata) > NGO



**Teras Strategik 3**

**MENINGKATKAN AKSES OKU KEPADA PENDIDIKAN**  
 (GOL 5 INCHEON STRATEGY)

**OBJEKTIF 2 KEPADA STRATEGI 1:**

Memperkuatkan mekanisme perkhidmatan sokongan pendidikan ke arah mewujudkan pendidikan yang berkualiti dan efektif.

PROGRAM / TINDAKAN	KPI		KEMENTERIAN / AGENSI BERTANGGUNGJAWAB
	INDIKATOR	SASARAN	
<b>JANGKA MASA SEDERHANA 2016 – 2018:</b> (a) Meningkatkan perkhidmatan kepakaran khidmat sokongan melalui peranan Pasukan Pelbagai Disiplin ( <i>Multidisciplinary Team</i> ).	1. Bilangan pakar khidmat sokongan dalam Pasukan Pelbagai Disiplin. 2. Bilangan murid Berkeperluan Pendidikan Khas (MBPK) di Pendidikan Khas Integrasi (PPKI), Sekolah Pendidikan Khas (SPK) dan Program Pendidikan Inklusif (PPI) yang menerima khidmat sokongan.	1. Peningkatan 10% bilangan pakar khidmat sokongan dalam Pasukan Pelbagai Disiplin. 2. 12% MBK di PPKI, SPK, dan PPI menerima khidmat sokongan	<b>AGENSI PENERAJU: KPM</b> > KKM > KPWKMM > NGO > Swasta
<b>JANGKA MASA SEDERHANA 2016 – 2018:</b> (b) Membangunkan instrumen penilaian dan proses saringan tahap keupayaan murid berkeperluan khas bagi tujuan penempatan persekolahan / program yang lebih tepat.	1. Peratus penghasilan senarai semak bagi murid tipikal di kelas prasekolah aliran perdana yang mempunyai ciri keperluan khas. 2. Peratus MBPK prasekolah (4-6 tahun) di PPKI, SPK dan PPI yang dikesan tahap kefungsi (rendah / sederhana / tinggi) melalui penggunaan instrumen yang telah dibina.	1. 100% senarai semak telah dibina dan ditadbirkan kepada murid tipikal di kelas prasekolah aliran perdana yang mempunyai ciri keperluan khas 2. 90% MBK prasekolah (4-6 tahun) di PPKI, SPK dan, PPI dikesan tahap kefungsi mereka melalui penggunaan instrumen yang telah dibina.	<b>AGENSI PENERAJU: KPM</b> > KKM > KPWKMM > NGO > Swasta

**Teras Strategik 3**

**MENINGKATKAN AKSES OKU KEPADA PENDIDIKAN**  
 (GOL 5 INCHEON STRATEGY)

PROGRAM / TINDAKAN	KPI		KEMENTERIAN / AGENSI BERTANGGUNGJAWAB
	INDIKATOR	SASARAN	
<b>JANGKA MASA PANJANG 2016 – 2022:</b> (c) Menyediakan dan melaksanakan program kemahiran dan vokasional untuk OKU dalam pendidikan khas.	Bilangan OKU yang mengikuti program kemahiran dan vokasional pendidikan khas yang ditawarkan meningkat.	Peningkatan 10% bilangan OKU yang mempunyai kemahiran / kelayakan vokasional.	<b>AGENSI PENERAJU: KPM</b> > KSM > KPWKMM > NGO
<b>JANGKA MASA PANJANG 2016 – 2022:</b> (d) Menaik taraf infrastruktur, prasarana dan peralatan khas di semua sekolah dan institusi pengajian tinggi (IPT) agar mesra OKU berkonsepkan <i>universal design</i> .	Bilangan sekolah / IPT yang berkonsepkan <i>universal design</i> .	Peningkatan 50% bilangan sekolah / IPT yang berkonsepkan <i>universal design</i> .	<b>AGENSI PENERAJU: KPM / KPT</b> > JPM > KKR > KPKT > MOT > NGO
<b>JANGKA MASA PANJANG 2016 – 2022:</b> (e) Menyediakan perkhidmatan sokongan dan personel terlatih / berkemahiran bagi membantu pembelajaran MBPK di sekolah yang menyediakan program pendidikan khas.	Bilangan personel terlatih meningkat di sekolah yang menyediakan program pendidikan khas.	Semua sekolah yang menyediakan program pendidikan khas menyediakan personel terlatih / berkemahiran bagi membantu pembelajaran MBPK.	<b>AGENSI PENERAJU: KPM</b> > JPA > KSM > KPWKMM > NGO > KKM
<b>JANGKA MASA PANJANG 2016 – 2022:</b> (f) Menyediakan modul latihan mengenai pendidikan murid-murid berkeperluan khas untuk latihan pra perkhidmatan guru.	Bilangan modul latihan mengenai pendidikan murid-murid berkeperluan khas untuk latihan pra perkhidmatan guru dibangunkan.	Satu (1) modul yang komprehensif dibangunkan.	<b>AGENSI PENERAJU: KPM</b> > NGO

**Teras Strategik 3**

**MENINGKATKAN AKSES OKU KEPADA PENDIDIKAN**  
(GOL 5 INCHEON STRATEGY)

**Teras Strategik 3**

**MENINGKATKAN AKSES OKU KEPADA PENDIDIKAN**  
(GOL 5 INCHEON STRATEGY)

PROGRAM / TINDAKAN	KPI		KEMENTERIAN / AGENSI BERTANGGUNGJAWAB
	INDIKATOR	SASARAN	
<b>JANGKA MASA PANJANG 2016 – 2022:</b> (g) Memperluaskan program transisi kerjaya atau program pendidikan alternatif kepada MBPK yang tamat pendidikan menengah.	Bilangan MBPK yang mengikuti program transisi kerjaya atau program pengajian alternatif meningkat.	Peningkatan 10% bilangan MBPK yang mengikuti program transisi kerjaya atau program pengajian alternatif.	<b>AGENSI PENERAJU: KSM</b> > KPM > KBS > KKLW > KPWKM > NGO
<b>JANGKA MASA SEDERHANA 2016 – 2017:</b> (h) Memberikan insentif / biasiswa kepada pelajar OKU yang berjaya melanjutkan pelajaran ke peringkat tertiar.	Bilangan pelajar OKU yang menerima insentif / biasiswa.	Semua pelajar OKU yang memenuhi syarat menerima insentif / biasiswa.	<b>AGENSI PENERAJU: KPT</b>
<b>JANGKA MASA PANJANG 2016 – 2022:</b> (i) Mewujudkan kuota kemasukan pelajar OKU ke peringkat tertiar.	Bilangan IPT yang mematuhi kuota.	50% IPT mematuhi kuota. (mohon nasihat daripada kementerian berkenaan) ** IPT di bawah KPT sahaja	<b>AGENSI PENERAJU: KPT</b> > MARA > KSM > KKLW > KBS

PROGRAM / TINDAKAN	KPI		KEMENTERIAN / AGENSI BERTANGGUNGJAWAB
	INDIKATOR	SASARAN	
<b>JANGKA MASA SEDERHANA 2016 – 2017:</b> (j) Meningkatkan program penglibatan ibu bapa dan NGO dalam memberi sokongan pendidikan kepada MBPK dan pelajar OKU.	Bilangan program yang dianjurkan.	Dua (2) kali setahun.	<b>AGENSI PENERAJU: KPM</b> > KPWKM > NGO
<b>JANGKA MASA PANJANG 2016 – 2022:</b> (k) Menyediakan perkhidmatan sokongan pembelajaran alternatif seperti <i>home schooling</i> bagi MBPK yang diperakui tidak berupaya hadir ke sekolah.	Bilangan MBPK mengikuti <i>home schooling</i> meningkat.	Peningkatan 5% bilangan murid OKU mengikuti <i>home schooling</i> .	<b>AGENSI PENERAJU: KPM</b> > EPU, JPM > ICU, JPM > KPWKM > NGO
